

Masa tepat mulakan transformasi sistem pendidikan

Dr Ahmad Aizuddin Md Rami, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Situasi pandemik COVID-19 sekali lagi memaksa kerajaan menutup semua sektor, termasuk pendidikan bagi memutuskan rantai penularan.

Bagi sektor pendidikan, bermulalah sekali lagi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian di seluruh negara. Fenomena PdP dalam talian ketika awal pandemik masih dalam peringkat 'mengejut'. Norma baharu ini bukan sahaja mencetus kekusaran pelajar, guru dan pensyarah, malah ibu bapa turut mengalami kesangsian terhadap proses ini.

Kekangan bukan hanya pada modul pengajaran dan pembelajaran, malah ketidakcukupan gajet dan data, malah capaian internet serta beban ekonomi semasa ketua keluarga turut mencetuskan halangan terbesar proses PdP dalam talian.

Apatah lagi kesediaan kerajaan dari aspek pemantauan norma baharu pendidikan. Pelbagai langkah dan kaedah diadaptasi pendidik bagi menentukan kesesuaian. Pelbagai platform dan medium digunakan dalam memastikan kualiti sistem pendidikan dikekalkan.

Ibu bapa juga berusaha memastikan keseimbangan dalam penggunaan gajet. Pelbagai kajian dilaksana dalam usaha memastikan kekangan PdP dalam talian diatasi sewajarnya.

Ternyata, masih ada rungutan dan aduan masyarakat terhadap pendidik yang kononnya tidak melaksanakan tanggungjawab sewajarnya. Semanganya kaedah PdP dipelbagaikan bagi memastikan kekangan diatasi supaya pembelajaran dicapai secara maksimum.

Justeru, wajar pendidikan negara memastikan kesiapsiagaan ke arah norma baharu. Bukan itu sahaja, malah saat inilah kerajaan perlu memulakan langkah transformasi dalam menetapkan hala tuju pelajar dan seterusnya bersedia membentuk modul serta kaedah pentaksiran baharu

bagi kaedah penilaian pelajar dari pelbagai aspek secara holistik bukan akademik semata-mata.

Pelajar seharusnya dilengkapkan ilmu kemahiran analitik dan lebih kritis serta mampu mendaya upaya diri mempertingkatkan keupayaan bagi kelangsungan hidup.

Melihat penularan wabak yang semakin membimbangkan kini, terserlah pendidik berusaha dengan luar biasa dalam memastikan murid dan pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan.

Jika disoroti, paradigma pendidikan lalu dibentuk dengan tujuan menyediakan pelajar dengan kemahiran menghafal maklumat, menyediakan pelajar untuk peperiksaan, mempersiapkan pelajar untuk memasuki institut pengajian tinggi seterusnya menyediakan proses pendidikan untuk pasaran kerja semasa.

Isu sering dibangkitkan dalam sistem pendidikan mutakhir ini ialah pendekatan terlalu bersifat fizikal dan berorientasikan peperiksaan.

Pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) baru-baru ini sebenarnya memberi satu titik mula pendidikan seimbang di Malaysia bermula pada peringkat rendah. Menyedari sistem pendidikan negara terlalu formal dan tidak lagi sesuai kehendak pendidikan masa kini, langkah pemansuhan ini dilihat tepat.

Malah, keputusan ini melambangkan kesediaan Malaysia mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) keempat digariskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu pendidikan seimbang dan berkualiti yang lebih melihat dan fokus pada pembangunan potensi pelajar.

Kemenjadian pelajar harus menjadi antara tonggak ke arah pembentukan individu dinamik dan inklusif merangkumi segala aspek sebenar asas pendidikan seimbang, termasuk pembangunan rohani dan sahsiah sendiri.

Saya yakin, transformasi sistem pendidikan sedia ada bertepatan waktunya dan diharapkan lebih tertumpu kepada konsep profesionalisme, kepakaran dan pengkhususan dalam bidang yang diperlukan segera. Pentaksiran pelajar bukan sekadar pencapaian akademik semata-mata. Norma baharu sudah dan sedang menjadikan pelajar, pendidik dan ibu bapa lebih kreatif dalam memastikan keseimbangan pendidikan dan memenuhi komponen pembelajaran semasa.

Pelajar kini lebih kreatif menghasilkan projek serta tugas diberikan. Kaedah pembelajaran dalam talian menaikkan pendidikan Malaysia ke satu tahap lebih kompleks dan dinamik.

Jadi, adakah wajar sekiranya sistem pendidikan dan penilaian atau pentaksiran pelajar masih di takuk 10 tahun lalu? Maka bagaimana modal insan berkualiti dapat dibangunkan jika potensinya diukur pada satu-satu bahagian?

Jika dilihat dari satu sudut, inilah punca pelajar tidak diberi peluang mengembangkan seluruh potensi. Aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu fahami dan ia bukan bersifat statik, tetapi dinamik selaras ke arah pembentukan kerajaan pendidikan digital yang holistik dan seimbang.

